
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KSCP EXAMINATION
Academic Session 2007/2008

June 2008

EUP 222/3 – Jurutera Dalam Masyarakat
[Engineers In Society]

[Masa : 3 jam]
Duration: 3 hours

[Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN (8)** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.]
*Please check that this examination paper consists of **EIGHT (8)** printed pages before you begin the examination.*

[Arahan: Kertas ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Semua soalan membawa jumlah markah yang sama.]
[Instructions: *This paper consists of **FIVE (5)** questions. Answer **FOUR (4)** questions only. All questions carry the same marks.*

[Anda dibenarkan menjawab soalan sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.]
You may answer the question either in Bahasa Malaysia or English.

[Semua soalan **MESTILAH** dijawab pada muka surat baru.]
*All questions **MUST BE** answered on a new page.*

[Tuliskan nombor soalan yang dijawab di luar kulit buku jawapan anda.]
Write the answered question numbers on the cover sheet of the answer script.

1. (a) Suatu kajian sosial yang kenali sebagai Kajian Hawthorne telah dijalankan di antara tahun 1927-1937. Bincangkan **TIGA (3)** isu yang perlu diambilkira oleh pihak pengurusan dalam mengurus pekerja hasil dari kajian ini.

*A social experiment known as the Hawthorne experiment was conducted during the period 1927-1937. Discuss **THREE (3)** issues that management needs to consider in managing employees as result of this experiment.*

[15 markah / marks]

- (b) Huraikan dengan ringkas **LIMA (5)** jenis kuasa.

*Describe briefly the **FIVE (5)** types of power.*

[10 markah / marks]

2. (a) Bincangkan **EMPAT (4)** gaya kepimpinan seperti yang dinyatakan oleh Likert dan berikan contoh untuk setiap satu.

*Discuss the **FOUR (4)** style of leadership distinguished by Likert and give example for each.*

[15 markah / marks]

- (b) Tulis nota ringkas mengenai teori **DUA (2)** faktor Herzberg.

*Write a short note on Herzberg's **TWO (2)** factor theory.*

[10 markah / marks]

3. (a) Apakah yang dimaksudkan sebagai etika dan nyatakan perbezaannya dengan moral?

What is meant by ethics and state the differences with moral?

[5 markah / marks]

- (b) Apakah yang dimaksudkan sebagai pandangan-pandangan etika?. Bincangkan **EMPAT (4)** pandangan etika tersebut.

*What is meant by the various ethical views?. Please discuss the **FOUR (4)** ethical views.*

[5 markah / marks]

- (c) Bincangkan **LIMA (5)** filosofi etika yang membezakan apa yang secara moralnya “betul” dan “salah”.

*Discuss the **FIVE (5)** ethical philosophies differentiating what is right and wrong.*

[5 markah / marks]

- (d) Apakah peranan kod etika atau kadang kala dikenali sebagai kod tingkahlaku (“*code of conduct*”) untuk seseorang jurutera?.

What is the role of code of ethics or sometimes known as code of conduct and its role for an engineer?.

[5 markah / marks]

- (e) Bincang dengan ringkas kedua-dua badan ini:

- (i) Lembaga Jurutera Malaysia (LJM).
- (ii) Institusi Jurutera Malaysia (IEM).

Discuss briefly the following Institutions:

- (i) *Board of Engineers, Malaysia (BEM).*
- (ii) *Institution of Engineers Malaysia (IEM).*

[5 markah / marks]

4. Baca kes di bawah dan jawab semua soalan.

Read the case below and answer all questions.

Encik Zuchini seorang jurutera mekanikal telah melantik Cik Parsley, seorang pakar dalam rekebentuk produk untuk mengubahsuai rekabentuk produk mekanikal beliau serupa dengan sebuah produk lain yang dicipta oleh Encik Karyawan yang telah pun berada di pasaran. Encik Zuchini mahukan rekabentuk produk beliau supaya menarik tanpa mengambilkira aspek-aspek kualiti dan keselamatan untuk menjana lebih keuntungan. Encik Zuchini bersetuju untuk bertanggungjawab terhadap semua kesan-kesan dari tindakan Cik Parsley. Bertindak atas perjanjian ini, Cik Parsley meniru produk Encik Karyawan.

Kemudian, Encik Zuchini memohon kemudahan kredit dari Bank Jutawan Sdn. Bhd. untuk membiayai penemuan baru beliau itu. Disebabkan oleh ketidakpastian produk Encik Zuchini dan pertimbangan-pertimbangan kredit yang lain, Bank Jutawan Sdn. Bhd. menolak untuk memberi kemudahan kredit, kecuali pada kadar faedah yang lebih tinggi dari kadar pasaran sama. Encik Zuchini menerima kemudahan kewangan berdasarkan syarat-syarat ini. Selepas dua minggu, Encik Zuchini telah memohon pinjaman lain sebanyak RM500,000 dari Bank Pemurah Sdn. Bhd. dengan mencagarkan tanah kosong beliau. Bagi mendapatkan pinjaman bernilai RM500,000 ini, Encik Zuchini telah meminta rakan karib beliau, Encik Kah Wan, pemilik Syarikat Val-U, sebuah syarikat berlesen untuk menilai tanah beliau pada harga RM950,000 menggantikan nilai sebenarnya iaitu RM300,000. Encik Kah Wan telah memberi laporan penilaian yang menyatakan nilai tanah itu adalah RM950,000. Bank Pemurah Sdn. Bhd. tidak membuat sebarang lawatan ke tapak kerana tanah Encik Zuchini terletak sejauh 200 kilometer. Walaupun Syarikat Val-U bukanlah penilai panel bank itu, Bank Pemurah Sdn. Bhd. bergantung kepada laporan yang diberi kerana Syarikat Val-U adalah sebuah syarikat ternama.

Bank tersebut telah memberi pinjaman RM500,000 kepada Encik Zuchini. Apabila Encik Zuchini gagal membuat pembayaran balik, perintah untuk menjual tanah telah diperoleh oleh Bank Pemurah Sdn. Bhd. dan tanah Encik Zuchini akhirnya telah dilelong pada harga RM250,000.

Mr. Zuchini, a mechanical engineer engaged Miss Parsley, an expert in product design to modify the design his mechanical product identical to another product invented by Mr. Karyawan which is already available in the market. Mr. Zuchini wanted the product's design to be impressive regardless of its safety and quality aspects to generate more profit. Mr. Zuchini agreed to be responsible against all consequences of Miss Parsley's act. Acting upon this agreement, Miss Parsley duplicated Mr. Karyawan's product.

Later, Mr. Zuchini, applied for a credit facility from Bank Jutawan Sdn. Bhd. for the financing of his new invention of a mechanical instrument. Due to the uncertainties of Mr. Zuchini's product and other credit considerations, Bank Jutawan Sdn. Bhd. rejects to grant the financial facility, except at a rate of interest which is higher than the current market rate. Mr. Zuchini accepts the financial facility based on these conditions. After two weeks, Mr. Zuchini applied for another RM500,000 loan from Bank Pemurah Sdn. Bhd. which was to be secured by his vacant land. In order to obtain this loan amount of RM500,000, Mr. Zuchini asked his best friend, Mr. Kah Wan, the owner of Syarikat Val-U, a licensed company to value his land at RM950,000 instead of the real value of RM300,000. Mr. Kah Wan gave a valuation report stating the value of land as RM950,000. Bank Pemurah Sdn. Bhd. did not make any site visit because Mr. Zuchini's land was 200 kilometers away. Although Syarikat Val-U was not the bank's panel valuer, Bank Pemurah Sdn. Bhd. relied on the given report because Syarikat Val-U was a reputable firm. The bank advanced the RM500,000 loan to Mr. Zuchini. Upon Mr. Zuchini's default in repayment, an order for land sale was granted by Bank Pemurah Sdn. Bhd.'s and Mr. Zuchini's land was eventually auctioned off at RM250,000.

- (a) Apakah kedudukan kontrak diantara Encik Zuchini dengan kedua-dua bank yang dinyatakan dalam kes ini?.

What is the contract position between Mr. Zuchini and both banks as mentioned in this case?.

[7 markah / marks]

- (b) Apakah jenis perlindungan harta intelek yang paling sesuai bagi produk yang dihasilkan oleh Encik Karyawan?.

What is the best type of intellectual property protection for the product produced by Mr. Karyawan?.

[6 markah / marks]

- (c) Adakah Cik Parsley bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas beliau sebagai seorang agen?.

Is Cik Parsley responsible in implementing her duty as an agent?.

[6 markah / marks]

- (d) Apakah jenis undang-undang tort yang terlibat dalam kes ini?.

What is the type of tort law that is involved in this case?.

[6 markah / marks]

5. Anda diperlukan untuk membantu Encik Juju bagi mengurus penyata-penyata kewangan syarikat beliau, EfisyenEngineering Consultancy berdasarkan maklumat-maklumat berikut:

You are required to assist Mr. Juju to manage his company's financial statement, Efisyen Engineering Consultancy based on the following information:

ITEMS:	RM	ITEMS:	RM
Baki tunai pada awal Julai <i>Cash balance at beginning of July</i>	475	Pembayaran tunai: Pembelian tanah <i>Payment of cash: Purchase of land</i>	15 000
Baki tunai pada akhir Julai <i>Cash balance at end of July</i>	3 100	Pembayaran tunai: dividen <i>Payment of cash: Dividends</i>	600
Penerimaan tunai: kutipan dari pelanggan <i>Cash receipts: Collection from customers</i>	950	Pembayaran tunai: kepada pembekal dan pekerja <i>Payment of cash: to suppliers and employees</i>	225
Penerimaan tunai: Jualan saham kepada pemilik <i>Cash receipts: Sale of stock to owners</i>	17 500	Belanja sewa <i>Rent expense</i>	350
Saham biasa <i>Common stock</i>	17 500	Pendapatan tertahan pada awal Julai <i>Retained earnings at the beginning of July</i>	50
Dividen <i>Dividends</i>	600	Pendapatan tertahan pada akhir Julai <i>Retained earnings at the end of July</i>	?
Peralatan komputer <i>Computer equipments</i>	15 000	Hasil perkhidmatan <i>Service revenue</i>	1 200
Bekalan pejabat <i>Office supplies</i>	600	Belanja utiliti <i>Utilities expense</i>	100
Akaun belum bayar <i>Accounts payable</i>	1 000		

Berdasarkan maklumat yang diberi, sediakan:

Based on the given information, prepare:

(a) Penyata pendapatan

Income statement

[4 markah / marks]

(b) Penyata pendapatan tertahan

Statement of retained earnings

[4 markah / marks]

(c) Kunci kira-kira

Balance Sheet

[8 markah / marks]

(d) Penyata aliran tunai

Cash flow statement

[9 markah / marks]

....ooOOoo...